




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 203 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 31,260 kes. Dua (2) kes kematian dicatatkan iaitu masing-masing satu (1) di Daerah Tuaran dan Sandakan. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 387 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 28,425 orang. Sejumlah 1,871 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 601 orang di hospital dan 1,270 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 59 orang dan 23 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Penambahan zon merah direkodkan.

- 4 Pada hari ini, terdapat satu (1) kluster baharu di Daerah Penampang iaitu Kluster Kupi-Kupi yang mencatatkan satu (1) kes menjadikan kumulatif 12 kes. Kluster ini dikesan melalui saringan di sebuah kedai makan.
- 5 Daripada 203 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 107 kes (52.7%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat di 16 daerah, 36 kes (25.46%) dari saringan kluster baharu dan sedia ada, saringan bergejala 31 kes (15.3%), saringan komuniti satu (1) kes (0.5%), saringan tempat kerja 3 kes (1.5%) dan 25 kes (12.3%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,029 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,777 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,806 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 27.49%.

**B. KEBENARAN KEMASUKAN PELANCONG DARI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SABAH**

- 1 Sidang MKN hari ini telah bersetuju dengan cadangan Kerajaan Negeri untuk membenarkan pelancong dari Negara Brunei Darussalam masuk ke Negeri Sabah melalui jalan darat dan udara.
- 2 Pengembara dari negara tersebut juga akan tertakluk kepada syarat menjalani ujian RT-PCR atau RTK-Ag tiga (3) hari sebelum perjalanan sebagaimana yang ditetapkan dalam SOP PKPB Sabah.
- 3 Keputusan ini adalah memandangkan Negara Brunei Darussalam tidak termasuk dalam senarai 23 buah negara yang disekat kemasukan ke Malaysia. Langkah ini juga dijangka dapat merancakkan sektor ekonomi Negeri Sabah.

**C. PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI TAMAN TELIPOK RIA, TUARAN**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan PKPD di Taman Telipok Ria, Tuaran yang bermula dari 27 November 2020 dan dijadual tamat esok, 10 Disember 2020.
- 2 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan sebanyak 8,186 saringan dan merekodkan sebanyak 493 kes kumulatif positif COVID-19 di lokaliti ini.
- 3 Sehingga kini, KKM juga mengesahkan masih terdapat baki 1,386 sampel saringan yang masih menunggu keputusan.
- 4 Berdasarkan penilaian risiko dan nasihat KKM, Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan PKPD di Taman Telipok Ria, Tuaran selama 14 hari lagi sehingga 24 Disember 2020.

#### **D. BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Sehingga hari ini, sebanyak **287,280** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

#### **E. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Kinabalu	99%
4	Kota Belud	99%
5	Kudat	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Semporna	98%
8	Penampang	98%
9	Papar	98%
10	Kota Marudu	98%
11	Beluran	98%
12	Sandakan	98%
13	Lahad Datu	97%
14	Tuaran	97%
15	Keningau	97%
16	Tenom	97%
17	Tawau	97%
18	Kunak	97%
19	Ranau	96%

#### **F. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)**

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di tujuh (7) premis di lima (5) buah daerah iaitu Kinabatangan, Semporna, Keningau, Sandakan dan Tawau.
- 2 Hebahum umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 135 lokasi di 20 daerah. Hebahum dibuat dalam lima (5) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun, Bahasa Mandarin, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

## **G. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 32 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 28 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 179 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putuskan rantaian COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**  
9 Disember 2020